

Strategi Pembelajaran Kolokasi Arab dan Hubungannya dengan Tahap Pengetahuan Kolokasi Arab Pelajar Sekolah Menengah

(Arabic Collocation Learning Strategies and Its Relationship With Arabic Collocation Knowledge among Secondary School Student)

Nur Saadah Jusoh & Harun Baharudin

ABSTRAK

Strategi pembelajaran memainkan peranan penting dalam membantu pelajar lebih cemerlang dalam pelajaran. Namun begitu, strategi pembelajaran kolokasi masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan pelajar bahasa Arab sebagai abahasa asing. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi pembelajaran kolokasi Arab dalam kalangan pelajar dan pengetahuan pelajar terhadap kolokasi sekaligus mengkaji hubungan Strategi Pembelajaran Kolokasi Arab dan pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan set soal selidik dan ujian klotz yang telah melalui ujian kesahan dan kebolehpercayaannya. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah dengan populasi kajian yang terdiri daripada 300 orang pelajar tingkatan empat dari tiga buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Terengganu. Seramai 192 orang pelajar dilibatkan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran kolokasi Arab pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan 2.53. Manakala bagi pengetahuan kolokasi Arab pelajar pula, majoriti pelajar berada pada tahap rendah dalam pengetahuan kolokasi jenis Kata Kerja + Kata Sendi dan Kata Nama + Kata Nama. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kolokasi Arab (Strategi Pengecaman, Strategi Masteri teknik dan Strategi Aplikasi) dengan tahap pengetahuan kolokasi Arab. Selain itu, kajian ini juga mampu memberi pendedahan berkenaan strategi yang paling berkesan dalam meningkatkan pengetahuan kolokasi Arab dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, strategi pembelajaran kolokasi Arab perlu diberi perhatian dan pendedahan kepada para pelajar agar mereka mampu menggunakan kolokasi Arab dalam penulisan sekaligus menonjolkan tahap mereka dalam penulisan Arab.

Kata Kunci: Strategi Pembelajaran Kolokasi, Kolokasi Arab, pelajar sekolah menengah, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)

ABSTARCT

The implementation of learning strategies is crucial for students to achieve academic success. However, the collocation learning strategy continues to receive inadequate attention from students of Arabic as a foreign language. Therefore, the objective of this study is to determine the extent to which students implement Arabic collocation learning strategies and their comprehension of collocations, as well as to examine the correlation between Arabic collocation learning strategies and students' Arabic collocation knowledge. A survey research design is employed in this study, which implements a set of questionnaires and cloze tests that have been validated for reliability and validity. The research population consisted of 300 fourth-grade students from three State Aided Religious Schools (SABK) in the state of Terengganu, and it employed a simple method of random sampling. A total of 192 students were involved in this study. The study's results indicate that students' utilisation of Arabic collocation learning strategies is moderate, with an average mean value of 2.53. The majority of students possess a limited understanding of Verb + Conjunction and Noun + Noun collocations in Arabic. Additionally, the results of the study demonstrate a strong correlation between the degree of Arabic collocation knowledge and the Arabic collocation strategies (Identification Strategy, Technique Mastery Strategy, and Application Strategy). Furthermore, this research has the potential to offer students exposure to the most effective strategies for enhancing their understanding of Arabic collocations. In summary, it is imperative that students are provided with the opportunity to engage with the Arabic collocation learning strategy in order to enhance their proficiency in Arabic writing and to effectively employ Arabic collocations in their writing.

Keywords: Collocation Learning Strategy, Arabic Collocation, secondary school students, Dini Integrated Curriculum (KBD)

PENDAHULUAN

Pengetahuan kolokasi dilihat sebagai salah satu cabang bahasa yang sukar untuk dikuasai terutamanya pelajar bahasa kedua/asing. Kolokasi lazimnya terkeluar daripada kaedah bahasa yang telah ditentukan dan merupakan pengetahuan bahasa yang memerlukan pengalaman luas dengan sumber bahasa sasaran sama ada secara komunikasi atau pembacaan. Atas sebab itu, pelajar tidak dapat memastikan kesesuaian padanan perkataan yang tepat (Schmitt 2000) dan menjadikan aspek kolokasi ini menjadi aspek yang kurang diberi perhatian dalam pembelajaran bahasa asing (Uraidah 2014). Pembelajaran bahasa asing yang menghadapi masalah miskin persekitaran terutama sumber komunikasi didapati menyumbang kepada penguasaan aspek kolokasi.

Kajian terdahulu yang berkaitan dengan kolokasi kebanyakannya berfokus kepada pengetahuan kolokasi di peringkat institut pengajian tinggi. Menyedari bahawa asas sesuatu perkara bermula dari bawah, maka kajian ini berfokus kepada pelajar di peringkat sekolah menengah. Berikutan itu, kajian akan mengenalpasti strategi yang digunakan pelajar sekolah menengah bagi memahami aspek kosa kata khususnya kolokasi Bahasa Arab di dalam kelas dan tahap pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Namun begitu, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada penguasaan pelajar dalam kolokasi jenis Kata Kerja + Kata Sendi dan Kata Nama + Kata Nama (*idafah*).

TINJAUAN LITERATUR

Istilah kolokasi mula diperkenalkan pada tahun 1975 oleh Firth yang terkenal dengan gelaran *Father of Collocation*. Beliau mendefinisikan kolokasi sebagai *the company that words keep*. Manakala Baker (1992); Palmer (1932); Santilla Grim (2000) pula berpendapat bahawa kolokasi adalah kecenderungan dua atau lebih perkataan untuk bergabung secara teratur dalam sesuatu bahasa yang memberikan makna khas yang lebih bersesuaian. di mana terhadap hubungan semantik yang kuat antara keduanya. Para sarjana barat tidak mempunyai masalah dan perbezaan pendapat dalam meletakkan istilah kolokasi sebagai *collocation*. Di samping itu, pola kolokasi dalam sesuatu bahasa berbeza dan tidak selalu berkolokasi dalam bahasa lain (Izzat 1970; Zughoul 1991)

Berlainan pula dengan bahasa Arab, istilah kolokasi Arab tidak terikat pada satu istilah sahaja bahkan sarjana-sarjana Arab berbeza pendapat tentang istilah dan makna kolokasi. Husamuddin (1985) memperkenalkan kolokasi sebagai *المصاحبة اللغوية* yang bermaksud kebiasaan satu perkataan bergabung dengan perkataan lain dalam sesuatu bahasa. Manakala Hasan Ghazala (1993) pula berpendapat

istilah yang bersesuaian ialah *المتلازمات اللفظية* yang memberi maksud perkataan yang beriringan dengan perkataan lain atau berada bersama dan mempunyai keterikatan antara satu sama lain samada dari sudut leksikal mahupun tatabahasa. Berlainan pula dengan Tammam Hassan (1973) dan Hijazi (1998) yang sepakat dalam menggunakan istilah *التضام*. Meskipun para sarjana berbeza dalam memberi istilah dan makna kolokasi, namun begitu dapat disimpulkan bahawa kolokasi adalah padanan atau kombinasi kata yang beriringan dan mempunyai pola kolokasi yang berbeza mengikut setiap bahasa.

Widdowson (1984) berpandangan bahawa pengetahuan kaedah bahasa sebagai kompeten manakala pengetahuan prosedur bahasa sebagai kemampuan mengaplikasikan kaedah bahasa dalam membangun wacana. Produk bahasa terbahagi kepada dua iaitu produk terencana seperti meniru cerita atau dialog bahasa tersebut dan tidak terencana ialah menggunakan bahasa kedua tersebut di dalam perbualan harian. Secara umumnya dapat difahami bahawa implikasi teori variabel dalam pembelajaran bahasa kedua merupakan penyeimbangan pembelajaran bahasa melalui kaedah bahasa dan menerapkannya dengan pelbagai cara. Model ini merujuk kepada objektif pertama kajian iaitu strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari kolokasi Bahasa Arab. Bukan itu sahaja, komponen ini juga bersandarkan kepada Model Strategi Pembelajaran Kolokasi Ying dan O'Neil (2009). Subdomain strategi yang digunakan di dalam kajian ini ialah pengecaman, masteri teknik dan aplikasi. Model strategi pembelajaran kolokasi Ying dan O'Neil (2009) merupakan model yang menggunakan lima pendekatan dalam strategi pembelajaran kolokasi. Ying dan O'Neil memperkenalkan pendekatan AWARE iaitu *Awareness Raising of Collocations, Reflection on the learning process and content* dan *Exhibiting what has been learned*.

Bertitik tolak daripada isu-isu dan kesukaran yang dihadapi pelajar dalam menguasai kolokasi, beberapa sarjana lepas seperti Hashemi, Azizinezhad & Dravishi (2012); Muhammad Fauzi Jumingan (2019); Rafidah Kamaruddin (2013); Zainab (2018) menyarankan strategi pembelajaran kolokasi yang khusus wajar dihasilkan dengan sistematik dan tersusun. Hal ini kerana, kebanyakan kajian bahasa memfokuskan skop strategi pembelajaran kepada strategi pembelajaran bahasa dan kosa kata sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini akan dibincangkan mengenai beberapa perincian dan kajian yang berkaitan dengan strategi pembelajaran kolokasi dan hubungannya dengan pengetahuan kolokasi.

STRATEGI PEMBELAJARAN KOLOKASI

Pelbagai usaha-usaha yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik seperti Hill, Lewis & Lewis (2000), Peters

(2009), Zagorska (2013), Newton dan Chang (2013), Uraidah Abdul Wahab (2014) dan Choi, chong dan Han (2015) dalam mengkaji strategi pembelajaran kolokasi. Namun begitu Lily Hanefarezan (2019) berpendapat bahawa para pengkaji tersebut tidak mengkategorikan aktiviti atau perlakuan pembelajaran kolokasi mengikut strategi utama dan kegunaan berdasarkan skema klasifikasi.

Adapun begitu, kajian Yang dan Barfield (2011) menekankan teknik pembelajaran kolokasi dipengaruhi oleh beberapa langkah yang perlu dilakukan pelajar. Antaranya ialah pelajar perlu memiliki kemampuan untuk mengenal pasti dan mengecam kolokasi (*noticing recognition*), menggunakan strategi untuk mengaktifkan dan mengukuhkan pembelajaran kolokasi (*acquiring various strategies*) dan mengaplikasikan kolokasi yang telah dipelajari (Lily Hanefarezan 2019; Yang & Barfield 2011). Oleh itu, strategi pembelajaran kolokasi dalam kajian ini berpandukan daripada kajian Lily Hanefarezan (2019) dan Yang & Barfield (2011) dan diubahsuai mengikut kesesuaian aras pelajar sekolah menengah.

Pengecaman (*noticing*) merupakan salah satu langkah permulaan dan asas dalam strategi pembelajaran kolokasi. Secara amnya, pengecaman (*noticing*) adalah aktiviti yang melibatkan latihan dan dalam masa yang sama perlu disertakan dengan konsep kesedaran. (Lewis 1997; Ying & ONeil 2009) Schmidt (1992) berpendapat bahawa strategi pengecaman merupakan tahap paling awal dalam teknik kesedaran (*awareness*) berkenaan cabang tertentu dalam sesuatu input bahasa dan dianggap sebagai faktor penyebab dan langkah pertama yang kritis untuk menguasai cabang-cabang bahasa yang lain. Schmidt dan Frota (1986) dalam kajiannya menyatakan bahawa *those who notice most, learn most*.

Selain itu, proses pengecaman yang melibatkan pengulangan perkataan dalam bentuk pembacaan, pendengaran dan tontonan juga merekod ini hampir sama dengan pendedahan kekerapan dalam pembelajaran kosa kata. (Grabe & Stroller 1997; Rott 1999; Ting & O'neil 2009; S. Webb 2013) Sebagai contoh, pengecaman kolokasi melalui perbualan atau syarahan guru di dalam kelas. Manakala situasi luar kelas pula melalui pembacaan bahan bacaan arab atau menonton animasi Arab. Hal ini sekaligus menyokong kenyataan Slobin (1997) dan Tuaymah (1989) bahawa pemerolehan kolokasi lebih mudah dilakukan jika dihubungkan dengan kehidupan seharian pelajar.

Di samping itu, masteri teknik merupakan salah satu strategi pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini. Masteri teknik ialah metod atau teknik yang digunakan oleh pelajar bagi mempelajari kolokasi atau mengukuhkan ilmu kolokasi. Teknik yang dipilih kebiasaannya berbeza mengikut kesesuaian murid dan merangkumi semua tahap daripada peringkat mudah hingga kompleks. Strategi ini menyetengahkan 5 teknik utama dalam proses pembelajaran

dan pengukuhan kolokasi iaitu teknik kamus, teknik sosial, teknik kefahaman, teknik penonjolan dan teknik imejan.

Pembelajaran bahasa asing tidak dapat dipisahkan dengan penggunaan kamus oleh para pelajar. Teknik ini merupakan teknik yang telah digunakan di setiap sekolah bagi melatih pelajar untuk berusaha mencari makna sesuatu perkataan sekaligus mampu mengukuhkan ingatan mereka. Lewis (2000) bersetuju bahawa penggunaan kamus ternyata membantu pelajar dalam mengukuhkan pembelajaran kolokasi.

Teknik sosial pula merujuk kepada interaksi antara pensyarah, rakan dan penutur jati yang menggunakan bahasa yang ingin dipelajari (Tseng & Schmitt 2008). Komunikasi dua hala dalam bahasa yang dipelajari dapat mengukuhkan kemahiran bertutur pelajar sekaligus mampu menggunakan kolokasi yang dipelajari dalam perbualan atau perbentangan. Kajian menunjukkan strategi sosial merupakan antara strategi paling kerap yang digunakan pelajar melalui komunikasi dan perbincangan sesama pelajar (Yoshida 2008; Zaki Ismail et al 2016) kerana pada sudut psikologinya pelajar tidak suka didedahkan kelemahan mereka ketika berhadapan. Tambahan pula, pengetahuan leksikal pelajar dapat ditingkatkan secara tidak sedar melalui interaksi sosial antara mereka.

Selain itu, teknik kefahaman merupakan sebarang teknik atau cara bagi mendapatkan kefahaman makna perkataan. Sebagai contoh meneka makna berdasarkan konteks ayat. Kebiasaannya selepas merujuk kamus, pelajar akan mencuba untuk meneka makna yang lebih sesuai dengan konteks ayat sehingga makna atau terjemahan ayat tersebut dapat difahami. Namun begitu Nation (1990) mencadangkan agar pelajar menggunakan teknik meneka berdasarkan konteks ayat terlebih dahulu sebelum merujuk kamus. Murid-murid yang kurang mahir dan berkemungkinan tidak dapat mengaplikasikan teknik ini atas faktor kurang perbendaharaan kata.

Meneka berdasarkan konteks ayat bagi mendapatkan kefahaman yang betul memerlukan pelajar menguasai dan memperbanyakkan kosa kata, pengecaman dan metakognisi sehingga boleh diaplikasikan sebagai klu untuk memahami kontekstual. (Harun Baharuddin & Zawawi. 2016) Sementara teknik penonjolan pula merupakan teknik yang melibatkan tanda, bulatan atau garisan (Schmitt 1997) dan catatan (Tseng & Schmitt 2008) yang dilakukan pelajar dalam proses mempelajari kolokasi.

Bukan itu sahaja, teknik imejan juga turut dihubungkan dengan strategi pembelajaran kolokasi. Teknik imejean ini ialah teknik yang menghubungkan kolokasi dengan pengalaman atau situasi yang lepas (Norbert Schmitt 1997) dan gambaran atau imej (Tseng & Schmitt 2008). Sebagai contoh dalam kajian Ying dan O'Neil (1990) sesetengah pelajar menggunakan teknik pembelajaran secara visual iaitu dengan menggambarkan

senarai kolokasi yang telah ditulis manakala sebahagian yang lain mencuba untuk menggambarkan kolokasi yang bersesuaian dengan babak yang dipaparkan di dalam cerita yang ditonton.

Menurut Lily Hanefarezan (2019) strategi aplikasi merupakan salah satu pengukuran untuk melihat tahap sejauhmana pelajar mengaplikasikan kolokasi yang telah dipelajari dalam kemahiran menulis dan bertutur. Tahap leksikal pelajar dapat dilihat apabila mereka mengadaptasikan kolokasi dalam pertuturan atau penulisan seperti di laman sosial atau penulisan tugas pelajaran (Yang & Barfield 2011). Penggunaan media sosial seperti *Facebook, twitter, whatsapp, messenger* dan lain- lain merupakan antara bahan media yang boleh menjadi medan aplikasi dan perkongsian dalam kalangan pelajar. Penggunaan yang optimum mampu membantu pelajar untuk berkongsi dan menggunakan kolokasi dalam penulisan atau perkongsian mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap penggunaan strategi kolokasi dan tahap pengetahuan kolokasi pelajar sekolah menengah agama.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan jenis keratan rentas kerana kaedah ini berupaya membantu pengumpulan data yang tepat, mengelakkan wujudnya unsur bias dan meningkatkan kualiti data yang dikumpulkan (Creswell 2008; Sekran & Bougie 2010). Populasi kajian ini adalah 300 orang pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah agama Terengganu yang telah mengikuti pelajar *Lughah Arabiah al- Muasirah* (LAM) melalui Kurikulum Bersepadu Dini selama 3 tahun iaitu daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 4.

Kaedah persampelan dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah ini dipilih berdasarkan kemampuan pengkaji untuk mendapatkan senarai nama pelajar bagi tujuan kerangka persampelan. Pengkaji telah membuat kod bagi setiap nama sampel dan seterusnya memilih secara rawak melalui teknik cabutan daripada kotak. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970), bilangan sampel yang diperlukan bagi 300 orang populasi dalam kajian ini ialah 192 orang sampel. Sebanyak 250 soal selidik telah diberikan kepada responden dan 192 set soal selidik telah dikembalikan.

Bagi instrumen kajian pula, kajian ini menggunakan set soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Lily Hanefarezan (2019) dan diubahsuai mengikut kesesuaian pelajar sekolah menengah. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan demografi pelajar. Manakala bahagian B pula ialah set soal selidik dan ujian pengetahuan yang bertujuan untuk mengkaji tahap penggunaan strategi pembelajaran kolokasi

Arab pelajar dan tahap pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Soal selidik mengandungi 38 item soalan dan menggunakan skala likert 5.

Selain itu, kesahan instrumen dilakukan dengan merujuk dua orang pakar instrumen yang dilantik bagi mendapatkan kesahan. Instrumen awal yang mengandungi 40 item soalan soal selidik dan 20 soalan ujian kolokasi telah disemak oleh pakar dan beberapa item telah dikeluarkan serta soalan ujian kolokasi telah diubahsuai atas nasihat pakar. Bagi proses analisis data pula, statistik deskriptif digunakan bagi mengenalpasti tahap penggunaan strategi kolokasi dan tahap pengetahuan kolokasi pelajar manakala statistik inferensi pula digunakan bagi menguji korelasi antara dua pemboleh ubah. Maklumat daripada soal selidik di analisis menggunakan perisian SPSS melibatkan analisis deskriptif dan inferensi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

TAHAP PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN KOLOKASI ARAB

Bagi menjelaskan skor min, kajian ini menggunakan interpretasi skor min dan tahap yang disarankan oleh Oxford (1990) iaitu nilai 1.0- 2.4 (rendah), 2.50- 3.4 (sederhana), 3.5- 5.0 (tinggi). Berdasarkan Jadual 1, min keseluruhan bagi tahap penggunaan strategi pembelajaran kolokasi ialah 2.53 iaitu pada tahap sederhana dan sisihan piawai 1.09. Ini bermakna penggunaan strategi pembelajaran kolokasi Arab dalam kalangan pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Daripada 38 item strategi, sebanyak 3 item (8%) mencapai interpretasi tinggi manakala 20 item (53%) berada di intrepretasi sederhana dan 15 item (39%) pada tahap rendah.

Jadual 1. Tahap Penggunaan Strategu Pembelajaran Kolokasi Arab

| Bil | Strategi Pembelajaran Kolokasi Arab | Nilai Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|-----------------------|-------------------------------------|-----------|----------------|--------------|
| 1 | Pengecaman | 2.36 | 1.00 | Rendah |
| 2 | Masteri Teknik | 2.68 | 1.14 | Sederhana |
| 3 | Aplikasi | 2.20 | 1.06 | Rendah |
| Nilai Min Keseluruhan | | 2.53 | 1.09 | Sederhana |

Jadual 2 merupakan jadual min, sisihan piawai dan interpretasi strategi pembelajaran bagi konstruk pengecaman. Item disusun mengikut tertib menurun min item. Dapatan kajian menunjukkan 1 item (9%) berada pada tahap yang tinggi, 3 item (27%) berada pada tahap sederhana manakala 7 item (64%) berada pada tahap rendah.

Jadual 2 Min dan Sisihan Piawai Strategi Pembelajaran Kolokasi (Pengecaman)

| Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Min |
|---|------|----------------|------------------|
| Buku bahasa Arab | 3.56 | 1.11 | Tinggi |
| Pertuturan bahasa Arab guru | 3.33 | 1.13 | Sederhana |
| Lagu- lagu bahasa Arab | 2.85 | 0.96 | Sederhana |
| Tayangan video bahasa Arab oleh guru dalam kelas | 2.59 | 1.12 | Sederhana |
| Papan tanda bahasa Arab | 2.30 | 1.17 | Rendah |
| Pertuturan bahasa Arab rakan- rakan | 2.23 | 0.86 | Rendah |
| Tontonan filem bahasa Arab di internet. (contoh: youtube) | 2.14 | 1.31 | Rendah |
| Laman web bahasa Arab | 1.93 | 0.99 | Rendah |
| Tontonan siaran tv | 1.81 | 0.79 | Rendah |
| Iklan bahasa Arab | 1.66 | 0.79 | Rendah |
| Siaran radio berbahasa Arab | 1.65 | 0.79 | Rendah |
| Min Keseluruhan= 2.36, Interpretasi Min=, Rendah SP= 1.00 | | | |

Item yang mendapat interpretasi tinggi ialah mengecam kolokasi daripada buku bahasa Arab ($M = 3.56$, $SP = 1.11$). Manakala 3 item yang berada pada tahap sederhana ialah pengecaman kolokasi daripada pertuturan bahasa Arab guru ($M = 3.33$, $SP = 1.33$), lagu- lagu bahasa Arab ($M = 2.86$, $SP = 0.96$) dan tayangan video Arab di dalam kelas ($M = 2.59$, $SP = 1.12$). 7 item yang berada pada tahap rendah pula ialah pengecaman kolokasi daripada papan tanda bahasa Arab ($M = 2.30$, $SP = 1.17$), pertuturan bahasa Arab rakan ($M = 2.23$, $SP = 0.86$), tontonan filem bahasa Arab di internet (contoh youtube) ($M = 2.14$, $SP = 1.31$), laman web bahasa Arab ($M = 1.93$, $SP = 0.99$), tontonan siaran tv ($M = 1.81$, $SP = 0.79$), iklan bahasa Arab ($M = 1.66$, $SP = 0.79$), siaran radio berbahasa Arab ($M = 1.65$, $SP = 0.79$).

Bagi sub konstruk strategi pengecaman ini, pelajar dilihat lebih cenderung kepada strategi yang menggunakan kemahiran membaca. Hal ini kerana ianya lebih mudah dan bersifat dominan dalam kehidupan para pelajar berbanding strategi yang memerlukan kemahiran mendengar. Bukan itu sahaja, ini menunjukkan pelajar yang memberikan tumpuan fokus dan kerap membaca buku bahasa Arab akan dapat mengecam frasa- frasa kolokasi yang terdapat di dalam buku. Kajian Daskalovska 2016 : Norris & Ortega (2000) mendapati bahawa pembacaan buku berdasarkan konteks dapat membantu pelajar untuk meningkatkan pemerolehan kolokasi pelajar bahkan membantu untuk penyimpanan memori jangka masa yang lebih lama.

Selain daripada melakukan pengecaman kolokasi berdasarkan teks buku bahasa Arab, pelajar dilihat cenderung untuk mengecam frasa kolokasi daripada pertuturan guru di dalam kelas. Hal ini menunjukkan pelajar memberi perhatian kepada kontens pengajaran sekaligus mampu mengecam frasa- frasa kolokasi yang dituturkan

guru ketika mengajar samada di dalam perbualan atau ketika penyampaian isi pengajaran. Kepakaran dan kebergantungan pelajar terhadap para guru di dalam pertuturan Arab dilihat mampu membantu pelajar sekaligus menjadi rujukan dan panduan utama para pelajar. Hal ini kerana, guru dianggap sebagai autoriti yang dipercayai pelajar dan sebagai rujukan utama pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Yang dan Barfield (2011) bahawa para pelajar menjadikan guru sebagai autoriti dalam pembelajaran bahasa dan bukannya berdasarkan autonomi pelajar untuk mempelajari kolokasi. Proses pengkayaan kosa kata tidak terletak pada pembacaan teks atau buku sahaja. Menurut Lily Hanifarezan (2019) pelajar yang mencari peluang untuk memperkayakan kosa kata termasuk mempelajari kolokasi akan berusaha menggunakan kemudahan sedia ada seperti menonton program bahasa Arab samada di televisyen atau di youtube. Hal ini turut disokong oleh Ebied et. Al 2016; Syaefani & M.Taufik 2017; Harun Baharudin. 2018 yang menyatakan bahawa youtube merupakan antara alat pembelajaran yang bersifat global, interaktif dan efektif dalam pembelajaran. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan sebaliknya apabila strategi pengecaman melalui media kurang mendapat sambutan daripada pelajar. Hal ini mungkin disebabkan oleh penggunaan telefon yang pelbagai menyebabkan pelajar kurang fokus dalam menggunakan peluang yang ada bagi tujuan pelajaran (Ebied et al 2016).

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan strategi pembelajaran kolokasi bagi konstruk masteri teknik pula dengan nilai min keseluruhan sebanyak 2.68 iaitu pada tahap sederhana. Dapatan menunjukkan terdapat dua item (9%) yang mendapat interpretasi tinggi, lima belas item (68%) pada tahap sederhana dan lima item (23%) pada tahap rendah.

Jadual 2 Min dan Sisihan Piawai Strategi Pembelajaran Kolokasi (Masteri Teknik)

| | Item | Min | Sisihan Piawai | Intrepretasi Min |
|-----|---|------|----------------|------------------|
| S13 | Merujuk kamus Arab- Melayu | 3.85 | 1.01 | Tinggi |
| S21 | Menganalisis jenis golongan perkataan samada ia adalah اسم atau فعل atau حروف الجر bagi frasa kolokasi saya baru temui | 3.53 | 1.11 | Tinggi |
| S19 | Bertanya kepada guru sekiranya terdapat frasa kolokasi yang saya tidak ketahui | 3.40 | 1.09 | Sederhana |
| S18 | Bertanya kepada rakan sekiranya terdapat frasa kolokasi yang saya tidak ketahui | 3.32 | 1.07 | Sederhana |
| S23 | Meneka frasa kolokasi berdasarkan logik akal pengetahuan saya | 3.29 | 1.05 | Sederhana |
| S22 | Meneka makna frasa kolokasi yang saya tidak faham berdasarkan konteks atau situasi | 3.25 | 1.12 | Sederhana |
| S17 | Bertanya kepada rakan bagaimana untuk membina ayat yang mempunyai frasa kolokasi | 3.25 | 1.01 | Sederhana |
| S24 | Mengulang semula pembacaan jika terdapat frasa kolokasi yang saya tidak fahami | 3.23 | 1.08 | Sederhana |
| S16 | Merujuk Internet di carian google | 3.19 | 1.20 | Sederhana |
| S29 | Mencatat frasa kolokasi yang sukar saya fahami | 2.80 | 1.11 | Sederhana |
| S28 | Menggariskan frasa kolokasi yang penting | 2.77 | 1.00 | Sederhana |
| S30 | Mencatat contoh- contoh yang menunjukkan penggunaan frasa kolokasi yang saya jumpa. | 2.76 | 1.80 | Sederhana |
| S25 | Menyebut frasa kolokasi berulang- ulang yang saya baru temui. | 2.74 | 0.99 | Sederhana |
| S32 | Mengingati frasa kolokasi yang baru dengan menghubungkan situasi di mana perkataa itu saya jumpa. Contoh: بداية الكلام dan نهاية الكلام yang digunakan dalam teks | 2.72 | 2.48 | Sederhana |
| S33 | Menggambarkan sesuatu situasi dalam kepala saya apabila menemui frasa kolokasi yang baru. | 2.71 | 1.13 | Sederhana |
| S31 | Mencatat sinonim antonim frasa kolokasi yang saya jumpa | 2.55 | 1.05 | Sederhana |
| S26 | Menulis frasa kolokasi yang saya temui | 2.46 | 0.93 | Sederhana |
| S27 | Mengelaskan frasa kolokasi yang saya temui menurut persamaan cirinya. Contoh kolokasi bagi kata nama بيت adalah بيت الله dan بيت الطلبة . Manakala kolokasi bagi kata kerja رغب رغب الله dan رغب عن رغب فيه | 2.36 | 1.02 | Rendah |
| S12 | Merujuk kamus Arab-Arab | 2.14 | 1.13 | Rendah |
| S20 | Berinteraksi dengan penutur jati bahasa Arab | 2.10 | 1.01 | Rendah |
| S14 | Merujuk kamus khas frasa kolokasi | 1.83 | 0.90 | Rendah |
| S15 | Merujuk aplikasi corpus | 1.48 | 0.83 | Rendah |

Min Keseluruhan= 2.68, Interpretasi Min= Sederhana, SP = 1.14

Berdasarkan Jadual 3, terdapat dua item yang mempunyai tahap tinggi iaitu merujuk kamus Arab- Melayu (M= 3.86, SP= 1.01) dan menganalisis jenis golongan perkataan samada ia adalah اسم atau فعل atau حروف الجر bagi frasa kolokasi saya baru temui (M= 3.53, SP= 1.11).

Manakala bagi kebanyakan item yang mendapat tahap sederhana pula ialah item bertanya kepada guru sekiranya terdapat frasa kolokasi yang saya tidak ketahui (M= 3.40, SP=1.09), bertanya kepada rakan sekiranya terdapat frasa kolokasi yang saya tidak ketahui (M=3.32, SP= 1.07),

meneka frasa kolokasi berdasarkan logik akal pengetahuan saya (M= 3.29, SP= 1.05), meneka makna frasa kolokasi yang saya tidak faham berdasarkan konteks atau situasi (M= 3.25, SP=1.12) bertanya kepada rakan bagaimana untuk membina ayat yang mempunyai frasa kolokasi (M= 3.25, SP= 1.01), mengulang semula pembacaan jika terdapat frasa kolokasi yang saya tidak fahami (M= 3.23, SP= 1.08), merujuk internet di carian google (M= 3.19, SP= 1.20), mencatat frasa kolokasi yang sukar saya fahami (M= 2.80, SP= 1.11), menggariskan frasa kolokasi yang penting (M=

2.77, SP=1.00), mencatat contoh-contoh yang menunjukkan penggunaan frasa kolokasi yang saya jumpa. (M=2.72, SP=2.48), menggambarkan sesuatu situasi dalam kepala saya apabila menemui frasa kolokasi yang baru (M= 2.71, SP= 1.13), mencatat sinonim antonim frasa kolokasi yang saya jumpa (M= 2.55, SP= 1.05), menulis frasa kolokasi yang saya temui (M= 2.46, SP= 0.93).

Sementara itu, terdapat empat item yang mempunyai interpretasi pada tahap rendah iaitu item merujuk kamus Arab- arab (M= 2.14, SP= 1.13), berinteraksi dengan penutur jati bahasa Arab (M= 2.10, SP= 1.01), merujuk kamus khas frasa kolokasi (M= 1.83, SP= 0.90), dan merujuk aplikasi corpus (M= 1.48, SP= 0.83). Setiap substrategi menunjukkan dapatan tahap yang berbeza. Majoriti substrategi masteri teknik dalam kalangan pelajar menunjukkan penggunaan pada tahap sederhana kecuali teknik kamus dan teknik penonjolan yang mencapai tahap penggunaan yang tinggi.

Kategori teknik kamus dan teknik penonjolan didapati lebih kerap digunakan dalam kalangan pelajar sekolah menengah ketika mempelajari kolokasi. Teknik sosial mendapat kategori ketiga kerap digunakan oleh pelajar. Seterusnya teknik kefahaman dan teknik pengulangan merupakan kategori teknik keempat dan kelima selepas teknik kamus, penonjolan dan teknik sosial. Manakala teknik imejan merupakan teknik yang paling kurang penggunaannya dalam kalangan pelajar sekolah. Kedua teknik teratas iaitu teknik kamus dan teknik penonjolan merupakan teknik yang kerap digunakan secara kekerapan tinggi oleh para pelajar sekolah menengah. Berdasarkan substrategi kamus dwibahasa bahasa melayu- bahasa arab mencapai tahap penggunaan yang tinggi berbanding penggunaan kamus eka bahasa dan corpus.

Kebanyakan murid hanya menggunakan kamus Arab-Arab apabila diminta oleh guru sewaktu di sekolah sahaja. Namun begitu, hal ini juga berkemungkinan berlaku disebabkan para pelajar kurang mendapat pendedahan berkaitan teknik penggunaan kamus Arab- Arab yang juga terhad di sekolah. Menurut Harun Baharudin (2018) kamus dwibahasa sememangnya membolehkan aktiviti terjemahan diselesaikan dengan cepat dan mudah namun terdapat pertentangan semantik antara bahasa pertama dan kedua yang boleh mengelirukan pelajar. Adapun kamus eka bahasa pula iaitu kamus Arab- Arab, walaupun sukar digunakan dan difahami pada permulaannya namun ia mampu memberikan ketepatan leksikal daripada bahasa sasaran kepada para pengguna.

Teknik penonjolan yang melibatkan aktiviti seperti menggaris, mencatat, menganalisis dan mengklasifikasikan kolokasi yang dilakukan oleh pelajar digunakan pada tahap yang tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Teknik ini dilihat sebagai teknik yang mudah dan praktikal untuk dipraktikkan oleh pelajar sekolah menengah ketika

mempelajari kolokasi. Bahkan teknik ini sering diajar oleh para guru dalam melatih pelajar untuk mengecam kata kunci soalan atau perkataan tertentu yang perlu diberi fokus dalam mata pelajaran lain. Hal ini turut disokong dalam kenyataan Hall (2016) yang menyatakan bahawa teknik *highlighting*, menggaris atau membulatkan perkataan digunakan untuk menarik perhatian dan fokus pelajar kepada pembentukan linguistik yang berlaku dalam pembelajaran bahasa. Adapun begitu, dapatan kajian Lily Hanefarezan (2019) dan Tseng & Schmitt (2008) dalam kalangan pelajar IPT pula menunjukkan bahawa teknik penonjolan berada pada tahap penggunaan yang sederhana.

Selain itu, teknik sosial juga merupakan teknik yang mudah dan sering digunakan oleh para pelajar. Para pelajar cenderung untuk menggunakan teknik sosial dengan bertanya kepada rakan atau guru berkenaan kolokasi. Para pelajar kebiasaannya menggunakan teknik ini ketika mengalami masalah dalam pembelajaran samada setelah cuba mencari jawapan makna kolokasi atau belum. Hal ini turut disokong oleh Roshidah Hassan (2017) bahawa sebahagian besar pelajar mengambil tindakan bertanya rakan dan guru jika tidak memahami sesuatu.

Manakala teknik pengulangan dan kefahaman pula merupakan teknik yang digunakan pada tahap sederhana sahaja dalam kalangan pelajar. Teknik pengulangan yang melibatkan pengulangan kolokasi samada melalui pembacaan secara senyap, verbal atau penulisan. Kebiasaannya teknik pengulangan ini digunakan dalam proses menghafal dan mengingat perkataan - perkataan. Teknik kefahaman pula melibatkan strategi meneka frasa kolokasi dari konteks ayat dan logik akal serta menganalisis jenis golongan kata. Dapatan kajian Linamalini Mat Nafi & Kamarul shukri Mat Teh (2014) menunjukkan bahawa pelajar cenderung untuk meneka makna perkataan yang tidak difahami berdasarkan konteks ayat dan situasi. Namun begitu, hal ini bertentangan dengan hasil kajian ini yang menunjukkan pelajar sekolah menengah kurang menggunakan teknik kefahaman seperti meneka frasa kolokasi berdasarkan konteks. Hal ini berkemungkinan teknik ini lebih bersesuaian dengan tahap pelajar IPT yang sudah melalui tempoh pembelajaran yang lama dan mampu meneka makna perkataan berdasarkan konteks ayat. (Lily Hanefarezan 2019)

Sementara itu, teknik imejan dilihat berada pada tahap paling rendah digunakan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Teknik imejan melibatkan proses menggambarkan situasi dan mengaitkannya dengan frasa kolokasi yang dipelajari. Hal ini kerana teknik imejan melibatkan proses aktiviti mental dalam pembelajaran kolokasi. Menurut Ho & Eddy-u (2016) sesetengah frasa kolokasi mempunyai limitasi untuk ditunjukkan dalam bentuk imej.

Seterusnya Jadual 4 menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi sub konstruk aplikasi dalam

strategi pembelajaran kolokasi. Min keseluruhan bagi konstruk aplikasi ialah 2.20 iaitu pada tahap yang rendah.

Ini menunjukkan kolokasi masih kurang diaplikasikan oleh pelajar samada dalam pertuturan mahupun penulisan.

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Strategi Pembelajaran Kolokasi (Aplikasi)

| | Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Min |
|---|--|------|----------------|------------------|
| S38 | Menggunakan frasa kolokasi dalam perbualan campur dengan bahasa Melayu. Contoh: Jom makan sekarang ni sudah وقت الراحة | 3.13 | 1.29 | Sederhana |
| S35 | Menggunakan frasa kolokasi dalam tugasan | 2.46 | 1.10 | Sederhana |
| S34 | Menghantar mesej melalui telefon | 2.08 | 1.01 | Rendah |
| S37 | Bertutur frasa kolokasi yang saya temui dengan penutur jati penutur jati bahasa Arab | 1.95 | 1.06 | Rendah |
| S36 | Menulis di facebook | 1.39 | 0.82 | Rendah |
| Min keseluruhan = 2.20, Interpretasi Min= Rendah SP= 1.06 | | | | |

Dapatan kajian menunjukkan dua item mencapai tahap interpretasi sederhana (40%) manakala 3 item (60%) mencapai tahap rendah. Bagi konstruk aplikasi, tiada item yang mencapai tahap interpretasi tinggi. Antara item yang mendapat tahap sederhana ialah menggunakan frasa kolokasi dalam perbualan campur dengan bahasa Melayu (M= 3.13, SP= 1.29) dan item menggunakan frasa kolokasi dalam tugasan (M=2.46, SP=1.10). Manakala, item yang mempunyai tahap interpretasi rendah ialah item menghantar mesej melalui telefon (M= 2.08, SP=1.01), item bertutur frasa kolokasi yang saya temui dengan penutur jati penutur jati bahasa Arab (M=1.95, SP= 1.06) dan item menulis di facebook (M=1.39, SP= 0.82)

Strategi aplikasi merupakan strategi yang penting dalam pembelajaran bahasa kerana pada umumnya semua mengetahui bahawa bahasa bersifat memerlukan pengulangan, latihan, aplikasi dan amalan yang berterusan agar tidak hilang dari ingatan. Namun begitu, berdasarkan dapatan kajian ini, strategi aplikasi berada pada tahap rendah. Para pelajar dilihat kurang mengaplikasikan kolokasi samada dalam kehidupan seharian mahupun dalam aktiviti di sekolah.

Antara strategi aplikasi yang kurang digunakan ialah, bertutur frasa kolokasi dengan penutur jati, menghantar mesej dan menulis di facebook. Isu pelajar kurang bertutur dengan penutur jati bukanlah satu masalah yang asing bahkan ianya turut berlaku bukan sahaja dalam kalangan pelajar di sekolah menengah bahkan di peringkat universiti dalam dan luar negara. Hal ini berlaku kerana pelajar bersifat malu dan kurang keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa asing. Sifat takut melakukan kesilapan dalam pertuturan perlu dikurangkan kerana umum mengetahui bahawa melalui kesalahan kita belajar memperbaiki dan

meningkatkan ilmu. Hal ini turut disokong dan dinyatakan dalam kajian Ab. Halim Mohamad (2007;2009), Rosni Samah et al (2013); Azman Cik Mat & Goh Ying Soon (2010); Ashinida (2012). Selain itu, pertuturan dalam bahasa Arab bertambah menjadi sukar apabila wujudnya penggunaan singkatan dalam pertuturan samada meringkaskan ayat atau menggugurkan sebahagian huruf dan perkataan dalam pertuturan. (Fahed Maromar et al 2018) Namun begitu, pelajar seharusnya melihat ini sebagai cabaran dan peluang untuk belajar lebih mendalam tentang keunikan sesuatu bahasa.

Penggunaan teknologi dalam mengaplikasikan ilmu merupakan salah satu teknik yang baik untuk dilakukan. Melalui perkongsian penulisan atau frasa kolokasi di media sosial seperti facebook, pelajar dapat mendedahkan diri kepada budaya perkongsian ilmu dan bertukar pendapat. Bahkan ianya juga mampu melatih pelajar untuk lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk terus mempelajari kolokasi dan mengaplikasikannya. Tu’aymah (1989) menyarankan elemen pembelajaran kosa kata yang baik iaitu pelajar perlu memilih perkataan yang selalu digunakan supaya dapat menggunakannya ketika perlu dengan lebih mudah.

PENGETAHUAN KOLOKASI ARAB PELAJAR

Dalam kajian ini, skala kekerapan digunakan bagi mengetahui kekerapan jawapan yang dijawab betul oleh para pelajar. Ujian kolokasi yang diberikan kepada pelajar terbahagi kepada dua jenis kolokasi iaitu 10 soalan untuk kolokasi jenis kata kerja (KK) + Kata Sendi (KS) dan 10 soalan kolokasi jenis Kata Nama (KN) + Kata Nama (KN).

Jadual 4 Kekerapan dan Peratus Tahap Pengetahuan Kolokasi Arab Pelajar

| Jenis Kolokasi | Skor | Kekerapan | Peratusan |
|-----------------------------------|-------|-----------|-----------|
| Kata Kerja dan Kata Sendi (KK+KS) | 0- 2 | 38 | 21 |
| | 3- 5 | 109 | 60 |
| | 6- 8 | 35 | 19 |
| | 9- 10 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 182 | 100% |
| Kata Nama dan Kata Nama (KN+ KN) | 0- 2 | 34 | 19 |
| | 3- 5 | 88 | 48 |
| | 6- 8 | 55 | 30 |
| | 9- 10 | 5 | 3 |
| Jumlah | | 182 | 100% |

Berdasarkan Jadual 4, kajian mendapati bahawa bagi skor pencapaian pengetahuan kolokasi Arab antara 0- 2 markah adalah seramai 38 orang (21%), skor pencapaian antara 3 hingga 5 adalah seramai 109 orang pelajar (60%) iaitu majoriti, skor 6 hingga 8 pula adalah seramai 35 orang (19%). Sementara itu, tiada pelajar yang berjaya mencapai skor pencapaian 9 hingga 10 bagi soalan kolokasi jenis ini. Nilai min keseluruhan ialah 4.0 manakala sisihan piawai ialah 1.72. Keadaan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada interpretasi rendah dalam pengetahuan kolokasi jenis Kata Kerja + Kata Sendi.

Bagi kolokasi jenis KN + KN pula, skor pencapaian 0 hingga 2 adalah seramai 34 orang (19%), skor pencapaian 3 hingga 5 pula adalah 88 orang (48%) iaitu kekerapan yang paling tinggi. Manakala, skor pencapaian 6 hingga 8 adalah 55 orang (30%) sementara skor 9 hingga 10 adalah 5 orang (3%). Min keseluruhan adalah 4.5 dan sisihan piawai adalah 2.13. Manakala jumlah min keseluruhan bagi kedua-dua jenis kolokasi ialah 8.5 dengan nilai sisihan piawai 3.28. Ini menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap kolokasi masih berada pada interpretasi yang rendah.

Tahap pengetahuan kolokasi Arab pelajar sekolah menengah berada pada tahap rendah. Dapatan kajian pengetahuan kolokasi Arab pelajar IPT juga menunjukkan tahap pengetahuan yang rendah (Lily Hanefarezan 2019; Ab Halim Muhammad & Che Radiah Mezah; Ashinida Aladdin 1998) Hal ini bermakna isu pengetahuan pelajar tentang kolokasi perlu diselesaikan bermula dari bawah iaitu bermula dari pembelajaran bahasa Arab sekolah menengah.

Berdasarkan dapatan kajian, antara kecuaiian dan kesilapan yang sering dilakukan pelajar dalam padanan kata bagi membentuk frasa kolokasi ialah pelajar keliru dalam memilih padanan kolokasi yang sesuai. Bagi kolokasi jenis Kata Kerja + Kata Sendi (KK+KS), pelajar keliru dalam memilih padanan yang bersesuaian. Sebagai contoh pelajar kebanyakannya memilih perkataan انتبهوا untuk berpadanan dengan kata partikel عن berbanding الى.

Keadaan yang sama juga berlaku dalam kajian Lily Hanefarezan (2019) dan Ab. Halim Muhammad & Che

Radiah Mezah (2007) iaitu pelajar kerap menggabungkan perkataan احتفل dengan kata sendi الى dan على dan perkataan يعتمد dengan kata sendi الى. Sedangkan padanan yang lebih tepat ialah احتفل dan يعتمد على. Hal ini berkemungkinan kerana pelajar keliru dalam memilih padanan kata sendi yang bersesuaian kerana setiap kata sendi mempunyai pelbagai fungsi yang perlu disesuaikan bergantung kepada konteks ayat. Bukan itu sahaja, pembelajaran di sekolah menengah mendedahkan makna asas dan fungsi setiap harf jar sahaja. (Saadah Jusoh 2019).

Manakala bagi padan frasa kolokasi jenis Kata Nama + Kata Nama (KN+KN) pula, pelajar menghadapi masalah yang sama iaitu keliru dengan makna perkataan yang hampir sama. Sebagai contoh, pelajar cenderung memilih padanan ازدحام الشوارع berbanding ازدحام الشوارع. Hal ini berlaku disebabkan oleh makna perkataan yang hampir sama iaitu sibuk atau sesak. Namun begitu pada padanan perkataan ازدحام الشوارع, kebanyakan pelajar berjaya menjawab dan memilih dengan tepat kerana padanan ini sudah terbiasa didengar (simaie) dan dibaca samada melalui hadis, ayat alquran atau dalam sesi pembelajaran. Bahkan Tuaymah (1989) juga turut menyatakan bahawa pemilihan dan penggunaan perkataan yang dekat dengan kehidupan atau amalan seharian, mudah untuk diingati dan digunakan.

Secara keseluruhannya, kesilapan dan kekeliruan pelajar dalam menentukan padanan kolokasi masih berlaku dan perlu diambil berat serta diperbaiki. Ini menunjukkan pelajar tidak mampu membezakan makna yang tepat dan sesuai mengikut konteks ayat. Justeru, pendedahan yang lebih mendalam dan teknik pembelajaran yang bersesuaian perlu diteruskan dan dipertingkatkan.

HUBUNGAN ANTARA KEDUA PEMBOLEH UBAH

Analisis korelasi Spearman telah digunakan bagi mengenal pasti hubungan strategi pembelajaran dan tahap pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Pekali korelasi pangkat Spearman lebih sesuai digunakan dalam statistik bukan parametrik. Statistik bukan parametrik ialah statistik yang digunakan

apabila data tidak mempunyai maklumat parameter, data tidak diedarkan secara normal atau data diukur dalam bentuk pemeringkatan. Berbeza dengan korelasi Pearson, korelasi ini tidak memerlukan andaian normal, maka korelasi pangkat Spearman juga sesuai untuk data dengan sampel kecil.

Berdasarkan Jadual 5, ujian korelasi spearman telah dijalankan bagi mengenalpasti hubungan antara strategi pembelajaran dan pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kolokasi dan pengetahuan kolokasi Arab pelajar dengan nilai $r(191) = 0.275$ dengan nilai signifikan $0.00 (P < 0.05)$. Ini bermakna hipotesis nul ditolak. Manakala arah hubungan ialah positif dan tahap kekuatan hubungan antara kedua pemboleh ubah adalah lemah.

Jadual 5 Korelasi antara Strategi Pembelajaran dan Pengetahuan Kolokasi Arab Pelajar

| | P | r | Tahap Kekuatan Korelasi |
|---|------|-------|-------------------------|
| Strategi Pembelajaran Kolokasi - Pengetahuan Kolokasi | 0.00 | 0.275 | Lemah |

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kolokasi dan tahap pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Kajian Ying dan O' Neill yang mengkaji berkenaan keberkesanan pendekatan AWARE dalam pembelajaran kolokasi juga turut menunjukkan hasil yang positif di mana pendekatan strategi AWARE ini terbukti berguna dalam membantu pelajar lebih memahami dan mahir dalam penggunaan kolokasi. Kajian Lily Hanefarezan (2019) juga selari dengan dapatan ini bahawa strategi pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan kolokasi pelajar. Namun begitu, hasil analisis kekuatan strategi pembelajaran kolokasi menunjukkan bahawa sebahagian substrategi pembelajaran kolokasi menjadi penyebab hubungan antara strategi pembelajaran dan pengetahuan kolokasi.

Manakala kajian- kajian Samaneh Jafari & Reza Kafipour, 2013; Yunjeong Choi et al, 2018; Harun Baharudin & Maimun Aqasha Lubis; 2015 ini pula membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran dan saiz serta pengetahuan kosa kata pelajar. Namun begitu, kolokasi merupakan cabang daripada kosa kata. Hasil- hasil kajian ini menyumbang kepada sokongan bahawa strategi pembelajaran membantu meningkatkan kolokasi pelajar. Ini dibuktikan oleh Farvardin & Koosha (2017) bahawa wujud hubungan yang kukuh antara kosa

kata dan kolokasi. Kolokasi dilihat sebagai aspek leksikal yang lebih mendalam dan terperinci berbanding kosa kata namun begitu ianya masih berkaitan bahkan sesetengah substrategi pembelajaran kolokasi hampir sama dengan substrategi pembelajaran kosa kata.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian ini menunjukkan hubungan antara strategi pembelajaran kolokasi dan pengetahuan kolokasi pelajar adalah lemah. Hal ini berkemungkinan kerana strategi pembelajaran melalui dua fasa iaitu (1) fasa pemilihan strategi yang mahu digunakan dan sesuai dengan diri pelajar dan (2) kekerapan penggunaan strategi tersebut dilakukan (Tseng & Schmitt 2008). Namun begitu menurut Lily Hanefarezan (2019) antara punca penggunaan strategi memberi kesan yang rendah terhadap pengetahuan pelajar adalah kerana pelajar telah mencuba kesemua strategi yang dicadangkan namun cuai dan gagal dalam memilih strategi yang bersesuaian dengan keadaan diri dan pembelajaran mereka. Situasi ini menunjukkan pelajar mungkin perlu kepada pendedahan dan bimbingan berbentuk latihan berterusan untuk aplikasi strategi pembelajaran supaya memberi kesan terhadap penguasaan pengetahuan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kolokasi Arab pelajar dan pengetahuan kolokasi Arab pelajar. Kolokasi disifatkan sebagai salah satu cabang bahasa yang kompleks dan memerlukan kesedaran, kefahaman dan latihan daripada pelajar. Proses mengulang kaji dan mengaplikasi kolokasi dalam penulisan atau pertuturan akan membantu pelajar dalam mengukuhkan ingatan dan kefahaman mereka berkenaan kolokasi kerana pengulangan membawa kepada pengekalannya. Namun begitu, kelemahan pelajar dalam memahami kolokasi ini perlu dipandang serius dan dijadikan sebagai salah satu titik ke arah penambahbaikan dalam proses pembelajaran di Malaysia.

Sehubungan itu, pihak yang berkenaan perlulah mengambil tindakan dan merancang strategi yang lebih berfokus terutamanya kepada strategi masteri teknik. Selain itu, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan melibatkan jenis kolokasi yang lain dan dijalankan dengan lebih mendalam menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual responden atau pemerhatian. Kajian ini terbatas dan dijalankan di Terengganu. Kajian lanjutan juga boleh mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan kolokasi Arab pelajar sekolah bandar dan luar bandar bagi melihat kemampuan dan kefahaman pelajar dengan bahasa Arab

RUJUKAN

- Ashinida Aladdin. 1998. Kekeliruan antara al-idafat dan al-naat di kalangan pelajar Melayu. Universiti Malaya
- Farvardin, M.T. Koosha, M. 2011. The Role of Vocabulary Knowledge in Iranian EFL Students Reading Comprehension Performance: Breadth or Depth? *Theory and Practice in Language Studies* 1(11):1575-1580.
- Firth, J. R. 1975. A Synopsis of Linguistic Theory 1930-1955. Studies in Linguistic Analysis. Oxford: Basil Blackwell.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2016. Konsep dan Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab. Bangi: Penerbit UKM.
- Harun Baharudin. 2018. Belajar Bahasa Asing melalui Youtube. Dewan Bahasa dan Pustaka Bil 12.
- Hasan Ghazala. 2007. Dictionary of Collocations. Dar Ilm. Lebanon.
- Hill, J., Lewis, M. & Lewis, M. 2000. Classroom strategies, activities and exercises Teaching Collocation Further Developments in Lexical Approach.
- Husamuddin & Zaki. 1985. *Al-Ta'bir al-Istilah: Dirasah fi Ta'sil al-Mustalah wa Mafhumaha wa Majalatihi al-Dilaliyyat wa Anmatih al-Tarkibiyyat*. Qahirah: Maktabah al-Anjlu al-Misriyyah
- Lewis, M. 2000. *Teaching Collocation Further Developments in the Lexical Approach*. HEINLE CENGAGE Learning
- Lily Hanefarezan Asbulah., Ashinida Aladdin & Musab Sahrim. 2020. The effect of motivation on Arabic Collocation Knowledge: The Mediating Role of Collocation Learning Strategies. *Journal of Nusantara Studies* 2020 (JONUS) 5(1): 154-173.
- Lily Hanefarezan Asbulah. 2019. Model Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam. Tesis PhD, UKM
- Lily Hanefarezan Asbulah, Ashinida Aladdin, Maimun Aqasha Lubis & Mus'an Sahrim. 2019. Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies* 19(1): 31-50.
- Mahmoud, A. 2005. Collocations Errors Made by Arab Learners of English. *Asian EFL Journal* 7(2): 117-126.
- Mohd Zaki Ismail, Kasch Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha & Nurazan M Rouyan. 2016. Strategi Pembelajaran Kosakata Berimbuhan Bahasa Arab. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 13: 113-133
- Nation, P. 1990. *Teaching and Learning Vocabulary*. New York: Heinle and Heinle.
- Rafidah Kamaruddin. 2018. A Study on the use of Phrasal Verbs By Malaysian Learners of English. Tesis Doktor Falsafah University of Birmingham.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari and Amizan Helmi Mohamad, 2013. Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 13(2): 99-115.
- Santillan Grim, P. 2010. Teaching Collocation in the Arabic as a Foreign Language Class. *Ensenanza Y Aprendizaje de la Lengua Arabe*.
- Schmidt, R. W & Frota, S. N. 1986. Developing basic Conversational Ability in a Second Language. A case Study of an Adult learner of Portuguese. Talking to learn: Conversation in Second Language Acquisition. Rowley, MA: Newbury House.
- Tseng, W. T. & Schmitt, N. 2008. Toward a Model of Motivated Vocabulary Learning: A Structural Equation Modelling Approach *Language Learning* 58 (2).
- Tuaymah, R. A. 2004. Al-Maharat al Lughawiyah: mustawiyatuha, tadrisuha, so'ubatuha. Kahirah: Dar al Fikr al-Arabi.
- Uraidah Binti Abdul Wahab. 2014. Penggunaan Penyusun Grafik Dalam Penguasaan Kolokasi Bahasa Arab. Tesis Izazah Sarjana Universiti Malaya.
- Webb, S., Newton, J. & Chang, A. 2013. Incidental learning of collocation. *Language Learning* 63(1): 91–120. doi:10.1111/j.1467-9922.2012.00729
- Yang Ying & Marnie O'Neil. 2009. Collocation Learning Through An "AWARE" Approach: Learner Perspectives And Learning Process. Researching Collocations in another language.
- Yang, Y & Barfield, A. 2011. Developing Control of the Collocation Learning Process. *LATEFL Newsletter of the Learner Autonomy SIG*.
- Zainab Kadim Igrab & Hanan Abdulhasan. 2018. Collocation in English and Arabic: A Constructive Study. *English Language and Literature Studies*. Vol 8: 1925-4678
- Zaki Ismail. 2016. Strategi Pembelajaran Kosakata Berimbuhan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia. Tesis PhD

Nur Saadah Jusoh
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Harun Baharudin
Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
harunbaharudin@ukm.edu.my